| 16.03.1989 | Lawatan KDYMM Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah Ke Pos Iskandar |
| 03.04.1989 | Penyerahan Kunci Rumah RKT Salong Oleh YB. ADUN Chini Encik Wan Mohamed Razali Bin Wan Mahussain |
| 01.07.1989 | Perasmian RKT Salong Oleh YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob |
| 09.08.1989 | Lawatan YB. Speaker-Speaker Se Malaysia Ke DARA Sempena Persidangan Kali Ke 3/21 Di Kuantan |
| 14.08.1989 | Lawatan KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Ke Selendang |
| 05.10.1989 | Lawatan YB. Menteri Kemajuan Tanah Dan Kemajuan Wilayah Encik Ghaffar Bin Baba |
| 10.10.1989 | Lawatan YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Ke Chenor Seberang |
| 10.02.1990 | Lawatan Pelajar-Pelajar Daripada University Of Sydney Australia |
| 18.02.1990 | Lawatan YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Ke Ibu Pejabat DARA |
| 19.05.1990 | Lawatan YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Ke Perantau Damai |
| 06.09.1990 | Lawatan YAB. Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamed Ke Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli Di Kedaik Rompin |
| 22.09.1990 | Perasmian Sukan Hari Peneroka Peringkat Zon Oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri Malaysia Encik Ghaffar Bin Baba Di Muadzam Shah |



*Sekitar Upacara Perasmian Wisma Sultan Ahmad Shah Oleh KDYMM Sultan Pahang Pada 30 Oktober 1987*



*Lawatan KDYMM Sultan Pahang Ke Pos Iskandar*



*Perasmian Tapak Bandar Kerayong Oleh KDYMM Sultan Pahang*



*YAB Encik Ghaffar Bin Baba Timbalan Perdana Menteri Merasmikan Sukan Hari Peneroka*

| TARIKH | PERISTIWA |
|---|---|
| 22.04.1991 | Perasmian Kompleks Tapak Jeti Tanjong Gemok Oleh KDYMM Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah |
| 19.07.1991 | Seminar Perhutanan Kebangsaan Di DARA |
| 28.07.1991 | KDYTM Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Binti Sultan Iskandar Al Haj Melawat Muadzam Shah |
| 30.01.1992 | Lawatan YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Ke Pejabat Daerah Bera Di Bandar Baru Kerayong |
| 04.03.1992 | Lawatan KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Dan KDYTM Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Binti Sultan Iskandar Al Haj Ke Taman Negeri Rompin-Endau |
| 23.04.1992 | Lawatan Wartawan Negara Selatan-Selatan Ke Wilayah Pahang Tenggara Sempena Lawatan ke Malaysia |
| 26.08.1992 | Perasmian Hentian Bas Dan Teksi Oleh YB. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Encik Yassin Bin Kamari |
| 28.08.1992 | Lawatan YB. Menteri Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan Malaysia Dato' Sabbaruddin Bin Chik Ke Tasik Chini |
| 18.04.1993 | Taklimat Kepada YB. Menteri Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan Malaysia Dato' Sabbaruddin Bin Chik Mengenai Perancangan Dan Pelaksanaan Projek Tanjong Gemok Di Tapak Jeti Tanjong Gemok |
| 29.04.1993 | Perasmian Perletakan Batu Asas Hospital Muadzam Shah Oleh YB. Menteri Kesihatan Dato' Lee Kim Sai |
| 21.06.1993 | Perasmian Majlis Sambutan Ma'al Hijrah Peringkat Negeri Pahang Darul Makmur Di Masjid Al Muadzam Shah Oleh YAM Tengku Muda Pahang Tengku Abdul Rahman Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah |
| 10.07.1993 | Pelancaran Projek Pelancongan Tasik Bera Oleh YB. Menteri Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan Malaysia Dato' Sabbaruddin Bin Chik |
| 13.07.1993 | Perasmian Pelaksanaan Projek Perumahan Kawasan 5 Muadzam Shah Oleh YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Dan Majlis Memeterai Perjanjian Projek Perumahan Tersebut Di Antara UDA, Binadara Sdn. Bhd. Dan Hambali Aziz Sdn. Bhd |
| 20.08.1993 | Jambori Pengakap Pahang 1993 Di Taman Rekreasi Muadzam Shah |
| 04.09.1993 | Lawatan YBhg. Ketua Audit Negara Tan Sri Dato' Ishak Bin Tadin Ke Ibu Pejabat DARA |
| 09.10.1993 | Canoe Festival Di Tasik Chini Diadakan Buat Pertama Kalinya |
| 14.11.1993 | Pesta Sukan Majlis Kebajikan Dan Sukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (MAKSPEN) Yang Pertama Diadakan Di Muadzam Shah |
| 15.11.1993 | DARA Menerima Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik 1993 Bagi Peringkat Badan-Badan Berkanun |
| 16.12.1993 | Bengkel Pengurusan Tanah Lembab (Wetland) Dirasmikan Oleh YB. Timbalan Menteri Besar Pahang Dato' Haji Abdul Jabbar Bin Ibrahim |
| 23.12.1993 | Perasmian Seminar Kontraktor-Kontraktor Pembinaan Wilayah Pahang Tenggara Di Muadzam Shah Oleh YBhg. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dato' Ismail Bin Mansor |
| 28.01.1994 | 'Pahang Tenggara Challenge' 1994 Di Taman Negeri Rompin-Endau |
| 10.05.1994 | YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Melawat Tanjong Gemok |
| 27.09.1994 | Lawatan YB. Menteri Pembangunan Luar Bandar Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa Ke Ibu Pejabat DARA |
| 09.10.1994 | Larian 23 Tahun DARA Dirasmikan Oleh YB. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Encik Yassin Bin Kamari |
| 13.10.1994 | Perasmian 'Canoe Fest' 1994 Tasik Bera Ke Tasik Chini Oleh YB. Menteri Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan Malaysia Dato' Sabbaruddin Bin Chik |



*Perasmian Pelaksanaan Projek Perumahan Kawasan 5 Muadzam Shah Oleh YAB. Menteri Besar Pahang*



*YBhg. Encik Abdul Habib Bin Mansor Menerima Anugerah Piagam Pelanggan Terbaik Badan Berkanun*



*Jambori Pengakap Pahang 1993 Dirasmikan Oleh YB. Dato" Abd. Jabbar Bin Hj. Ibrahim*



*Lawatan YB. Dato' Annuar Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar ke Ibu Pejabat DARA*



*Majlis Taklimat Kepada YB. Dato' Sabaruddin Bin Chik Di Tg. Gemuk*

| TARIKH | PERISTIWA |
|---|---|
| 23.10.1994 | Perasmian Dewan Dato' Shahbandar Di Bandar Chini Oleh YB. Menteri Pendidikan Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak |
| 31.10.1994 | Sambutan Majlis Hari Kualiti Kementerian Pembangunan Luar Bandar Di Dewan Orang Ramai Muadzam Shah |
| 07.11.1994 | Majlis Menandatangani 'Terms Of Reference' Program Pembangunan Kakitangan DARA Di Antara DARA Dengan Universiti Utara Malaysia Di Sintok Kedah |
| 17.01.1995 | 'Pahang Tenggara Challenge' 1995 Dirasmikan Oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa Belia Dan Sukan Negeri Pahang Dato' Abu Dahari Bin Osman |
| 14.02.1995 | Majlis Malam Ramah Mesra Lembaga Pengarah Dan Anggota Perkhidmatan DARA Dengan YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Di Wisma Sultan Ahmad Shah Muadzam Shah |
| 17.03.1995 | Perasmian Astaka Muadzam Shah Oleh YB. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar Dato' Mohamed Bin Jamrah |
| 24.03.1995 | Lawatan Pegawai-Pegawai Dari Republic Of Socialist Vietnam Ke Wilayah Pahang Tenggara |
| 19.04.1995 | Perasmian Dewan Orang Ramai Chenor Seberang Oleh YB. Ahli Parlimen Maran Dato' Haji Mohamad Bin Abdullah Mewakili YAB. Menteri Besar Pahang |
| 19.05.1995 | Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Di Antara DARA Dengan Raylee Industries Sdn. Bhd. Di Hotel Istana Kuala Lumpur |
| 15.06.1995 | 'Canoe Fest' 1995 - Tasik Bera Ke Tasik Chini Dirasmikan Oleh YB. Menteri Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan Malaysia Dato' Sabbaruddin Bin Chik |
| 27.07.1995 | Majlis Penyampaian Dividen Tahun 1994 Daripada Syarikat Milikan Dan Bersekutu DARA Kepada DARA |
| 27.07.1995 | DARA Menyertai Ekspo Asia Adventure 1995 Dan Asia Leisure And Resort 1995 Di World Trade Centre Singapore |

| TARIKH | PERISTIWA |
|---|---|
| 30.09.1995 | Program Ekspedisi Berbasikal 1995 Bagi Kanak-Kanak Sekolah Muadzam Shah Oleh Y.Bhg. Pengurus Besar DARA Encik Md. Yusof Bin Md. Johor |
| 21.10.1995 | YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob Merasmikan Pencawang Masuk Utama 132KV Di Muadzam Shah |
| 27.10.1995 | KDYMM Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah Merasmikan Masjid An-Nahdhah Di Ibam |
| 02.11.1995 | Majlis Perasmian Dewan Orang Ramai Bandar Bera Oleh YB. Menteri Kebudayaan Kesenian Dan Pelancongan Malaysia Dato' Sabbaruddin Bin Chik |
| 20.01.1996 | Majlis Pelancaran Kempen Jiran Mesra Oleh YB. Timbalan Menteri Besar Pahang Merangkap Pengerusi DARA Dato' Haji Hasan Bin Arifin |
| 16.03.1996 | 'Pahang Tenggara Challenge' 1996 Dirasmikan Oleh YB. Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Dan Kesenian Negeri Pahang Dato' Law Kee Long |
| 23.03.1996 | Majlis Perasmian Serentak Pameran Laporan Pemeriksaan Rancangan Pelan Struktur Pekan Dan Rompin Oleh YB. Timbalan Menteri Besar Pahang Dato' Haji Hasan Bin Arifin Mewakili YAB. Menteri Besar Pahang |
| 20.06.1996 | Forum Perdana Hal Ehwal Islam Di Perwira Jaya |
| 08.07.1996 | Majlis Pelancaran Perkhidmatan Buku Melalui Pos Di Bandar Chini Oleh YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Sri Haji Mohd. Khalil Bin Yaakob |
| 13.07.1996 | 'Canoe Fest' 1996 - Laluan Lagenda Tasik Bera ke Tasik Chini |
| 21.07.1996 | Majlis Perasmian Perpustakaan Desa Paloh Hinai Oleh YB. Menteri Pendidikan Malaysia Dato' Seri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak |
| 13.08.1996 | Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang DARA 1995 Oleh YB. Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar Dato' K.Kumaran |
| 08.09.1996 | Majlis Perasmian Kompleks Pelancongan Kuala Sungai Chini Oleh YB. Menteri Pendidikan Malaysia Dato' Seri Najib Bin Tun Haji Abdul Razak |
| 14.09.1996 | Lawatan YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Dato' Abdul Habib Bin Mansur Dan Rombongan Ke DARA |
| 22.09.1996 | Acara Sambutan 25 Tahun DARA Dan Majlis Pelancaran Buku 25 Tahun DARA Oleh YB. Menteri Pembangunan Luar Bandar Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa Di Muadzam Shah |



*YB Dato' Sabaruddin Bin Chik Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan menyerahkan bendera acara 'Canoe fest'*



*Lawatan Pegawai Dari Republic Of Socialist Vietnam Ke DARA*



*YB Dato' Hasan Bin Arifin di Pameran Pemeriksaan Pelan Struktur Pekan Dan Rompin*




*Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang 1996 Oleh YB Dato' K.Kumaran*

| TARIKH | PERISTIWA |
|---|---|
| 03.01.1997 | Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebersihan Dan Keindahan Desa Wilayah Pahang Tenggara 1996 Oleh YB. Timbalan Menteri Besar Pahang Merangkap Pengerusi DARA Dato' Haji Hasan Bin Arifin. |
| 17.03.1997 | Lawatan YAB. Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamed Dan YA.Bhg. Datin Seri Dr. Siti Hasmah Binti Haji Mohd Ali Ke Tasik Chini |
| 16.09.1997 | Majlis Pengisahan Sejarah DARA Dirasmikan Oleh YB. Menteri Pembangunan Luar Bandar Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa Di Arkib Negara Kuala Lumpur |
| 28.11.1997 | Majlis Memuliakan Keberangkatan KDYMM Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah Dan Seterusnya Merasmikan Dewan Besar DARA Muadzam Shah |
| 27.02.1998 | Lawatan Y. Bhg. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar Merangkap Pengerusi DARA Dato' Dr. Abdul Aziz Bin Muhamad Ke Projek Tanaman Padi Di Rompin - Endau |
| 21.03.1998 | Lawatan YAB. Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Bin Ibrahim Ke Muadzam Shah |
| 30.03.1998 | Lawatan Y.Bhg. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar Merangkap Pengerusi DARA Dato' Dr. Abdul Aziz Bin Muhamad Ke Bukit Serok |
| 13.07.1998 | Lawatan Kerja Y.Bhg. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tan Sri Dr. Johari Bin Mat Ke DARA |
| 07.08.1998 | Lawatan Y.Bhg. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Luar Bandar Merangkap Pengerusi DARA Dato' Dr. Abdul Aziz Bin Muhamad Ke Perumahan PPRT Kuala Bera |

| TARIKH | PERISTIWA |
|---|---|
| 28.08.1998 | Majlis Pelancaran Gerakan Desa Wawasan Kg. Pantai Bernas Oleh YB. Timbalan Menteri Besar Pahang Dato' Hasan Bin Arifin |
| 11.01.1999 | Majlis Penyerahan Pusat Latihan Islam Muadzam Shah Serta Majlis Berbuka Puasa Bersama YB. Menteri Pembangunan Luar Bandar Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa |
| 02.03.1999 | Lawatan Kerja Pengerusi Dan Ahli Lembaga Pengarah DARA Ke Taman Negeri Rompin - Endau |
| 01.04.1999 | Rakaman Televisyen Majlis Forum Perdana Hal Ehwal Islam Di Muadzam Shah Anjuran DARA Dengan JAKIM |
| 17.04.1999 | Lawatan YAB. Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Bin Haji Ahmad Badawi Ke Muadzam Shah |
| 21.05.1999 | Majlis Pelancaran Projek Menara Gading 2000 Oleh KDYTM Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al Musta'in Billah Anjuran Yayasan Istana Abdul Aziz Dengan Kerjasama Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 09.06.1999 | Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Bagi Pemegang-Pemegang Saham Syarikat Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd. Yang Mengambilalih Aset Komersil DARA Disaksikan Oleh YAB. Menteri Besar Pahang Dato' Adnan Bin Yaakob Di Kuantan |
| 15.06.1999 | Majlis Menandatangani Perjanjian Penswastaan DARA Kepada Syarikat Teras Dara Konsortium Sdn. Bhd. Disaksikan Oleh YB. Menteri Pembangunan Luar Bandar Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa Di Kuala Lumpur |



*Taklimat Kepada YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamed, Perdana Menteri Di Tasik Chini*



*Perasmian Dewan Besar DARA Oleh KDYMM Sultan Pahang*



*Majlis Pelancaran Gerakan Desa Wawasan Kg. Pantai Bernas Oleh YB. Dato' Hasan Bin Arifin, Timbalan Menteri Besar Pahang*



*Majlis Penyerahan Pusat Latihan Islam Muadzam Shah Oleh YB. Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar*



*Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Penswastaan Darabif Sdn. Bhd. Yang Disaksikan Oleh YB. Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar*




*Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian Penswastaan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) Yang Disaksikan Oleh YB. Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar*

# KE ARAH SUATU REALITI

Tahun 1970, Bukit Ibam, sebuah bandar kecil di Daerah Rompin yang dahulunya rioh dengan aktiviti perlombongan, berwajah suram apabila lombong bijih besi yang menjadi sumber rezeki kepada penduduk-penduduknya diputuskan oleh Syarikat Rompin Mining Company atau ROMPINCO untuk ditutup. Kegelisahan mereka yang bergantung harap kepada perusahaan ini telah mencetuskan sebuah ilham kepada seorang negarawan ulung untuk mewujudkan sebuah rancangan pembangunan yang dikenali dengan nama Rancangan Pahang Tenggara. Semasa mengisytiharkan penubuhan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara, atau ringkasnya DARA pada 14 September 1971, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein telah melahirkan suatu harapan dalam ucapannya seperti berikut:-

**"...saya percaya rancangan yang besar ini akan mencapai matlamatnya untuk memberikan kehidupan baru kepada sebahagain besar rakyat dengan terbukanya kawasan-kawasan pertanian moden dan perindustrian serta bandar-bandar baru di Pahang Tenggara."**

Harapan ini membayangkan suatu wawasan untuk menjadikan Pahang Tenggara sebagai sebuah wilayah yang akan membangun dan maju setanding dengan kawasan-kawasan maju yang lain di negara ini. Wawasan pemimpin ini telah diterjemahkan ke dalam objektif-objektif pembangunan berteraskan Dasar Ekonomi Baru dan telah digariskan dengan jelas dalam Pelan Induknya iaitu:-

(a) Menubuhkan perusahaan pertanian dan perhutanan secara besar-besaran dengan menggunakan teknologi dan pengurusan yang cekap.Seluas 340,536 hektar kawasan dicadang dimajukan untuk pertanian sehingga tahun 1990, terutamanya untuk tanaman kelapa sawit dan getah. Seluas 130,000 hektar kawasan dijadikan hutan kekal dengan pembalakan mengikut konsep "tree farm licence".

(b) Menggalakkan pembangunan perbandaran dan perindustrian yang akan dapat mengadakan peluang-peluang pekerjaan dalam sektor moden. Sebanyak 36 buah bandar yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan perbandaran yang sempurna dicadang dibangunkan sehingga akhir 1990.

(c) Mengurangkan jurang perbezaan antara kawasan di negara ini dan menggalakkan penghijrahan penduduk daripada sektor-sektor yang mempunyai daya pengeluaran yang rendah.

(d) Mengadakan peluang bagi meninggikan kemahiran untuk rakyat Malaysia khasnya Bumiputra.

(e) Mengadakan peluang-peluang pekerjaan. Dijangka sebanyak 152,000 peluang pekerjaan dapat diwujudkan dipelbagai sektor sehingga tamat tempoh rancangan.

(f) Mengadakan asas bagi menarik industri dan perkhidmatan yang tidak bergantung kepada hasil bumi bagi jangka panjang.

Perancangan bagi kawasan seluas kira-kira 1 juta hektar ini terkandung dalam satu Pelan Induk yang telah disiapkan pada tahun 1972. Pelan pembangunan yang terperinci ini yang telah dijadikan panduan bagi pelaksanaan dengan menggunakan pendekatan secara bersepadu, menyaksikan penglibatan pelbagai jabatan and agensi Kerajaan. Setiap jabatan dan agensi Kerajaan yang terbabit dengan pembangunan kawasan ini mempunyai pelan pelaksanaannya masing-masing yang dilaksanakan dan diselaraskan dengan Pelan Induk Pahang Tenggara. Pembangunan diperingkat awal akan ditumpukan kepada penerokaan sumber alam, pembinaan bandar-bandar baru dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas dan sosial. Pembangunan kawasan ini dijangka akan dapat dimanfaatkan oleh kira-kira 500,000 orang penduduk yang akan mendiami kawasan ini di akhir tempoh rancangan.

Bagi mencapai objektif-objektif di atas dua strategi utama telah dipilih iaitu:-

(a) mengeksploitasi sumber alam melalui pembangunan ekonomi berasaskan sumber. Usaha penyelidikan dan pembangnan adalah penting bagi menjayakan program-program ekonomi berasaskan sumber. Sementara strategi pemuliharaan alam sekitar juga diutamakan.

(b) Membangunkan perbandaran dengan menggunakan konsep penempatan penduduk secara berpusat dengan menjadikan Muadzam Shah sebagai pusat pertumbuhan utama, menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan sosial pada tahap yang lebih tinggi serta menyediakan asas bagi menarik pertumbuhan sektor moden.

Dengan strategi-strategi di atas 5 program utama telah dicadangkan iaitu:-

(a) Program ekonomi berasaskan sumber
(b) Penyelidikan dan pembangunan
(c) Pemuliharaan alam sekitar
(d) Perbandaran
(e) Penyediaan kemudahan asas dan sosial

Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) yang telah diwujudkan di bawah Akta 68/72 telah dipertanggongjawabkan untuk menjalankan tugas memaju, menggalak, membantu, mengusaha, mengawal dan menyelaras pembangunan ekonomi dan sosial. Tugas pengawalan dan penyelarasan juga meliputi aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh agensi-agensi awam dan swasta.

Pelaksanaan projek telah bermula di bawah Rancangan Malaysia Kedua dengan peruntukan yang diberikan kepada DARA sebanyak RM19juta. Jumlah peruntukan yang diluluskan meningkat dari satu rancangan kepada satu rancangan untuk mempastikan projek-projek yang dirancangkan menepati sasaran dan wawasan seorang negarawan menjadi satu kenyataan. Dalam proses pelaksanaan beberapa perubahan telah dilakukan terhadap strategi pelaksanaan dan program pembangunannya dengan mengambilkira pembangunan semasa serta perubahan persekitaran. Strategi yang diubahsuai memasukkan pembangunan sumber manusia dan perseimbangan pembangunan antara kawasan yang maju dengan kampung-kampung tradisional yang tidak diambilkira dalam perancangan asal. Begitu juga dengan pembangunan sektor perindustrian, pelancongan, perdagangan dan pembangunan rakyat termiskin. Program-program baru dalam bidang-bidang tersebut turut diperkenalkan sejajar dengan pengubahsuaian strategi. Hasil dari perubahan ini membawa pembangunan Pahang Tenggara setapak ke depan ke arah suatu realiti yang dihajatkan.



*Kerja - Kerja Awal Jalan Raya Kuantan - Segamat 1972*



*Pekerja MARDI Bukit Ridan 1972*



*Lawatan YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Dato' Hussein,
Perdana Menteri Ke Bukit Ibam 1973*



*Encik Mohd Saufi Bin Abdullah,
Pengurus Besar DARA Pertama
Memberi Penerangan Kepada
YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Dato' Hussein,
Perdana Menteri,
Di Pesta Pembangunan Kebangsaan 1974*

*Lawatan YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Dato' Hussein,
Perdana Menteri Ke Bukit Ibam 1975*



*Lawatan YAB Tun Haji Abdul Razak Bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Ke Bukit Ibam 1975*



*Mesyuarat Pengurusan DARA Dengan Pengerusi 1973*



*Lawatan YB. Menteri Kebajikan Am 1973*





*Lawatan Duta Besar Amerika Syarikat 1974*



*Menandatangani Perjanjian Penubuhan Syarikat Darabif Sdn. Bhd. 1974*

*Lawatan YB. Dato' Mohd Asri bin Haji Muda, Menteri Kemajuan Tanah Dan Kemajuan Wilayah Ke Wilayah Pahang Tenggara 1976*



*Lawatan YAB Dato' Mohammed Bin Yaakub, Menteri Besar Kelantan Ke Wilayah Pahang Tenggara 1978*





*Perasmian Pusat Perkhidmatan Nenasi 1986*



*Lawatan YB. Dato' Dr. Sulaiman Bin Daud, Menteri Kemajuan Tanah Dan Kemajuan Wilayah Ke Wilayah Pahang Tenggara 1987*





*Lawatan*
*YB. Dato Rais bin Yatim,*
*Menteri Kemajuan Tanah Dan*
*Kemajuan Wilayah*
*Ke Ladang Teh Dara Sdn. Bhd.*
*1982*





Muadzam Shah 1983[1]



Perasmian Dewan Orang Ramai
Chenor Seberang Oleh
YAB Dato' Sri Haji Mohd Khalil Bin Yaakob,
Menteri Besar Pahang 1989



Perasmian Penutup Belia Tani Negara (BETARA) Di Kota Bahagia Oleh
YB. Datuk Paduka Zaleha Ismail 1986



Lawatan YAB Dato' Seri Mohd. Najib Bin Tun Haji Abdul Razak,
Menteri Besar Pahang Ke RKT Salong 1986




Bengkel Kajian Pelan Induk DARA Dan Halacara Ke Arah Wawasan 2020 1992



Lawatan ADUN Pahang
1975



*Lawatan YB. Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar Ke RKT Salong 1994*

*Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman Diantara DARA Dengan Raylee Industries Sdn. Bhd. 1995*






*YB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak Di Bandar Chini 1994*

# SEKILAS

Wilayah Pahang Tenggara diwujudkan pada tahun 1971 hasil ilham pemimpin ulung negara yang bergelar Bapa Pembangunan iaitu Allahyarham Tun Haji Abdul Razak. Walaupun ilham ini tercetus dari peristiwa penutupan operasi lombong besi Rompin Mining Company (ROMPINCO) di Bukit Ibam namun pembukaannya adalah untuk manfaat rakyat Malaysia seluruhnya.

Pembangunan Wilayah ini dipandu oleh Pelan Induk yang disediakan oleh sebuah konsortium daripada Kanada. Perancangan dan unjuran-unjuran yang dibuat adalah berdasarkan kepada data-data dan maklumat yang ada pada waktu itu, contohnya pendapatan per kapita adalah berasaskan data tahun 1970 sementara kependudukan pula adalah berasaskan kajian sosio-ekonomi 1967.

Bagi mempercepatkan pembangunan, Kerajaan telah bersetuju untuk melaksanakan projek penyediaan infrastruktur dalam wilayah ini menyimpang dari amalan biasa. Balai polis, sekolah, rumah dan tapak rumah, bekalan air dan sebagainya disediakan dahulu sebelum ada penduduk. Dijangkakan, semua kemudahan ini akan menjadi daya penarik kepada penghijrahan masuk penduduk terutama dengan adanya peluang-peluang pekerjaan di ladang-ladang sekitar penempatan baru tersebut. Begitu juga penduduk kampung-kampung tradisional yang serba kekurangan akan berpindah meninggalkan kampung halaman mereka.

Walau bagaimanapun, selepas penubuhan DARA, beberapa perkara yang diluar ramalan telah berlaku. Satu demi satu Lembaga Kemajuan Wilayah telah diwujudkan yang didahului oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) pada tahun 1972 dan diikuti oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH-1973), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR-1978), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA-1981), Lembaga Kemajuan Pulau Pinang (PERDA-1983) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (JENGKA-1983). Kewujudan Lembaga-Lembaga Kemajuan Wilayah yang baru ini telah menyebabkan penghijrahan masuk penduduk tidak seperti yang diramalkan. Tujuan penghijrahan yang berlaku itu pula, sebahagian besarnya hanya untuk menjadi peneroka tanah FELDA dan bukannya untuk mengisi kekosongan pekerjaan di ladang-ladang yang banyak dibuka.

Penduduk Kampung-Kampung Tradisional pula sebahagian besarnya tidak mahu berpindah ke penempatan-penempatan baru yang berhampiran. Malah, mereka lebih rela tinggal di tempat asal mereka walaupun dalam kedaifan. Keadaan ini telah mendorong penglibatan FELCRA dan RISDA untuk membantu memulih dan memajukan tanah-tanah mereka yang sebahagian besarnya tidak diusahakan secara produktif. Situasi ini menjadikan mereka bertapak lebih kukuh di kampung masing-masing dan meninggalkan penempatan-penempatan yang dibina oleh DARA didiami oleh penghijrah dari kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang lain.

Pada masa yang sama, pembangunan industri pembuatan di bandar-bandar utama seluruh negara meningkat dengan pesat. Pembangunan ini telah menarik anak-anak muda dan tenaga kerja dari luar bandar berhijrah ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan yang lebih diminati.

Semua faktor ini telah menyumbang kepada masalah kekurangan tenaga kerja yang serius kepada pengusaha-pengusaha ladang dalam Wilayah ini. Kesannya ialah Wilayah ini telah menghadapi kebanjiran pendatang asing. Walaupun pendatang-pendatang ini telah meningkatkan bilangan penduduk dan membantu meningkatkan pengeluaran tetapi status dan matlamat mereka berbeza. Tambahan pula segala pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan oleh DARA adalah untuk kebajikan dan faedah rakyat negara ini. Perubahan-perubahan ini telah menuntut kepada perubahan sasaran DARA seterusnya. Dengan itu DARA telah membuat kajian semula dan menurunkan sasarannya daripada sasaran asal Pelan Induk di samping menangguhkan pembukaan beberapa penempatan baru.

Di samping itu, DARA juga telah diminta untuk merancang dan membangunkan Kampung-Kampung Tradisional yang pada mulanya tidak termasuk dalam perakuan Pelan Induk.

Apabila Kerajaan melancarkan Program Pembangunan Rakyat Termiskin, DARA juga telah diberi tugas penting untuk melaksanakan program ini dalam Wilayah Pahang Tenggara.

Semua perubahan dan tugas tambahan yang diberi ini telah dilaksanakan oleh DARA sebaik mungkin. Akhirnya, peranan DARA telah sampai ke penghujungnya. Kerajaan telah membuat keputusan untuk membubarkan DARA melalui proses penswastaan selaras dengan program pengecilan saiz Perkhidmatan Awam. Perjanjian Penswastaan telah ditandatangani di antara Kerajaan Persekutuan,DARA dan Teras DARA Konsortium Sdn. Bhd. pada 15 Jun 1999 iaitu pada usia DARA 27 tahun 9 bulan. Dengan pembubaran DARA maka berakhirlah sebuah sejarah dan terbukalah pula sebuah lembaran sejarah yang baru menjelang alaf baru.







Ibu Pejabat DARA Jalan Teluk Sisek Kuantan






Ibu Pejabat DARA
Di Muadzam Shah Sekarang

Penghijrahan Penduduk Ke Muadzam Shah 1978



Lawatan YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia Ke Tasik Chini 1985





Felda Kumai Bera




Pengisahan Sejarah DARA 1997

# PEMBANGUNAN ERA DARA

## PERTANIAN

Kawasan Pahang Tenggara yang luas membuka peluang di peringkat awal lagi bagi pembangunan sektor pertanian yang boleh diusahakan secara perladangan. Lebih 450,000 hektar kawasan didapati sesuai untuk tujuan pertanian pelbagai tanaman terutamanya kelapa sawit dan getah. Usaha ini telah dilaksanakan malah sebelum kajian pembangunan dijalankan dengan tanaman pilihan kelapa sawit yang diusahakan melalui konsep 'nucleus estate'. Pelan Induk DARA menggalakkan pertanian yang diusahakan secara komersil dengan menggunakan teknologi yang moden. Sepanjang tempoh pewujudannya selama 28 tahun, DARA telah berjaya membangunkan sektor pertanian melibatkan kawasan seluas 367,010 hektar atau 37% daripada keseluruhan kawasan Pahang Tenggara yang berjumlah 1 juta hektar. Angka ini telah melebihi matlamat yang telah ditetapkan dalam Pelan Induk Pahang Tenggara iaitu 340,537 hektar.

FELDA, FELCRA, RISDA dan Lembaga Kemajuan Pertanian Pahang (LKPP) adalah antara agensi-agensi awam yang menjadi peneraju utama pembangunan sektor pertanian di kawasan ini dengan tanaman kelapa sawit meliputi kawasan seluas 307,570 hektar. Pihak swasta juga turut memberi sumbangan kepada pembangunan sektor ini tetapi tidak hanya menumpukan kepada tanaman kelapa sawit sahaja malah tanamannya turut dipelbagaikan dengan teh tanah datar, koko serta padang ragut untuk ternakan lembu daging secara perladangan. Syarikat-syarikat anak dan usahasama DARA turut memainkan peranan yang penting dalam memajukan sektor ini termasuklah dalam usaha mempelbagaikan tanaman. Sehingga kini terdapat 103 buah ladang awam dan 59 buah ladang swasta di seluruh kawasan Pahang Tenggara.

Tanaman padi di kawasan lembah terutamanya di Daerah Rompin yang pada awalnya dibuat secara persendirian telah diperkemaskan apabila siapnya sistem pengairan Tebing Kanan Anak Endau bagi membolehkan para petani menanam dua kali setahun. Tanaman padi juga telah mula dilaksanakan secara perladangan dan komersil melibatkan sektor swasta sepenuhnya. Hasil dari usaha-usaha ini telah terdapat seluas 3,603 hektar kawasan padi di Daerah Rompin yang telah membantu menambahkan hasil pengeluaran beras negara.

Hasil dari penggalakan pelaburan di luar negara yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan, Pahang Tenggara turut menerima pelabur-pelabur termasuk dalam bidang akuakultur. Antara projek akuakultur yang terbesar di negara ini ialah projek akuakultur yang diusahakan oleh pelabur asing terletak di bahagian pantai dalam Daerah Pekan iaitu projek ternakan ikan talapia dan belut untuk eksport di atas kawasan seluas 2023 hektar. Projek ini telah menelan belanja kira-kira RM250 juta. Projek ini telah membuka dan menawarkan peluang-peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan dan sudah tentunya meningkatkan pendapatan penduduk-penduduk kampung-kampung tradisional yang berhampiran.

Bagi memperkuatkan pembangunan sektor ini terutama dalam tanaman selain dari tanaman utama kelapa sawit dan getah serta pemprosesan keluaran tanaman-tanaman tersebut, sebuah stesyen penyelidikan yang dikelolakan oleh MARDI telah ditubuhkan sejajar dengan perakuan Pelan Induk DARA. Hasil dari penyelidikannya, MARDI telah berjaya menemui beberapa klon baru tanaman di samping berjaya memperbaiki teknik memproses hasil-hasil pertanian. Beberapa penyelidikan di bidang pertanian turut juga dijalankan oleh beberapa pihak dan telah membuahkan hasil yang menarik. Sebagai contoh, Darabif Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh DARA, telah menjalankan percubaan kacukan lembu baka tempatan dengan lembu yang diimport dan telah berjaya menemui baka yang sesuai dengan cuaca tempatan serta mempunyai kadar pertumbuhan yang lebih menggalakkan. Sementara itu, usaha bagi melaksanakan perladangan integrasi turut dilakukan oleh beberapa buah ladang di kawasan ini. Usaha tersebut merangkumi tanaman-tanaman lain seperti anthurium, sentang, jati emas di kawasan ladang kelapa sawit, rotan di kawasan kebun getah, ternakan bebiri dan lembu di kawasan kelapa sawit. Usaha-usaha ini telah menunjukkan hasil yang baik di samping mengurangkan kos penyelenggaraan ladang.

Walaupun kepentingan pertanian kepada pembangunan negara telah diambilalih oleh sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan, namun pembangunan bagi ekonomi kawasan ini, kepentingan pertanian masih terserlah buat masa ini. Sumbangannya kepada pembangunan ekonomi penduduk dan keupayaannya mengharungi kegawatan ekonomi telah menjadikan ianya begitu penting sebagai pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di sektor kedua dan ketiga.







Ladang Tehdara Sdn. Bhd.

*Projek Pertanian PPRT*



*Ladang Ternakan Lembu Pahangbif Sdn. Bhd*





*Ternakan Ikan Talapia Merah Di Syarikat Song Cheng, Nenasi*



*Tanaman Koko Di Wilayah Pahang Tenggara*



Jelapang Padi Di Daerah Rompin



Lawatan Pengerusi DARA Ke Projek Pengairan Rompin-Endau



Jelapang Padi Di Daerah Rompin

# INFRASTRUKTUR

Asas yang penting bagi pertumbuhan ialah penyediaan infrastuktur. Kemudahan infrastruktur yang lengkap akan dapat mempertingkatkan pembangunan dan memesatkan kemajuan ekonomi sesebuah kawasan.

Sejak awal lagi, DARA telah memainkan peranan terpenting dalam merancang, menyelaras dan menyediakan kemudahan infrastruktur bagi kawasan yang baru diterokai. Hasilnya dapat disaksikan pada hari ini dimana kemudahan infrastruktur telah menjadi penggerak dan nadi bagi pertumbuhan dalam pelbagai sektor pembangunan di kawasan ini.

Muadzam Shah sebagai pusat pentadbiran kawasan ini telah dihubungkan dengan bandar-bandar utama di Kawasan Pahang Tenggara dan luar kawasan melalui tiga rangkaian jalan utama yang telah dilaksanakan dengan penuh teliti bagi menjamin keselesaan pengguna dan penduduk. Tiga rangkaian jalan utama ialah jalanraja Tun Abdul Razak sepanjang 145 km, jalanraya Bahau-Keratong (61km) dan jalanraya Ibam-Rompin (73km) merupakan pemangkin kepada pertumbuhan dan pembangunan kawasan ini. Kemudahan infrastruktur ini tidak mengecualikan kampung-kampung tradisional dan kawasan pendalaman sebagai usaha menyokong pertumbuhan ekonomi masyarakat tempatan. Dengan terbinanya jalanraya-jalanraya yang baik pelbagai perkhidmatan pengangkutan dapat beroperasi dengan baik dan lancar. Pembinaan jalan penghubung yang penting di selatan Sungai Pahang iaitu jalan Simpang Guai - Paloh Hinai dengan jarak 110 km dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2000. Pembinaan ini membolehkan penduduk-penduduk kampung di sebelah selatan Sungai Pahang dihubungkan terus dengan bandar Temerloh dan Pekan. Kerja-kerja penyelenggaraan 1,000 km lebih jalan-jalan yang telah dibina sentiasa dilaksanakan dari masa ke semasa. Begitulah juga dengan kerja-kerja menaiktaraf jalan khususnya jalan-jalan di kampung-kampung tradisional.

Penyediaan kemudahan-kemudahan asas melibatkan projek bekalan air dan bekalan eletrik yang dilaksanakan seiring dengan pembinaan bandar-bandar baru. Sebanyak tujuh projek bekalan air telah siap dilaksanakan dan sehingga akhir 1998 seramai 260,000 penduduk di Wilayah Pahang Tenggara telah mendapat bekalan air bersih. Sementara sistem bekalan elektrik yang di peringkat awalnya menggunakan janakuasa disel telah dipertingkatkan melalui bekalan dari sistem yang lebih baik dan berkeupayaan untuk memenuhi keperluan pengguna. Bandar Muadzam Shah dan kawasan berhampiran telah mendapat bekalan eletrik daripada sistem Grid Nasional yang berupaya memenuhi keperluan perindustrian. Sistem ini sedang diperluaskan ke seluruh Kawasan Pahang Tenggara. Kecuali beberapa kawasan terpencil, hampir seluruh Kawasan Pahang Tenggara telah mendapat bekalan elektrik yang sempurna.

Bagi menjadikan Kawasan Pahang Tenggara ini setanding dengan bandar-bandar lain, perkhidmatan telefon turut disediakan di bandar-bandar dan penempatan-penempatan utama ini. Bagi mempertingkatkan sistem komunikasi yang menggunakan peralatan serba canggih masakini selain sistem yang dibekalkan oleh Syarikat Telekom Malaysia, perkhidmatan telefon "cellular" dari beberapa pembekal utama turut dinikmati oleh penduduk-penduduk wilayah ini. Bandar Muadzam Shah juga telah dihubungkan kepada sistem Jaringan Gentian Optik yang membolehkan perkhidmatan perhubungan yang pantas dan cekap sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat masakini.


12 Kuantan
63 Bukit Ibam
63 Muadzam Shah
63
PUSAT
GIATMARA
MUADZAM
SHAH


Dahulu 1982



Dahulu 1975


Sekarang



Sekarang



Jalanraya Kuantan - Segamat

*Jalan Kota Bahagia Ke Bera*



*Jalan Simpang Guai - Paloh Hinai Yang Hampir Siap Pembinaannya*





*Simpang Bertingkat Jalanraya Ibam - Rompin*





*Jalan Kampung*





Bekalan Elektrik



Loji Bekalan Air Bersih



Perhubungan Telefon

## INDUSTRI

Arus perindustrian dalam era globalisasi turut dialami di kawasan ini dan telah menggerakkan jentera pentadbiran DARA dalam menggembeling tenaga seiringan dengan hasrat Kerajaan untuk bersama-sama merealisasikan status negara perindustrian.

Usaha yang tidak mengenal jemu membolehkan DARA menarik para pelabur bukan sahaja dari dalam malah dari luar negara khususnya negara jiran Singapura. Sepanjang 28 tahun kewujudan DARA, seluas 2,740 hektar kawasan telahpun dirancang untuk kegunaan industri dengan menjadikan Bandar Muadzam Shah sebagai pusat industri yang utama bagi wilayah ini. Sehingga kini seluas 96 hektar kawasan telah disediakan terdiri dari 26 hektar bagi Fasa I, 24 hektar bagi Fasa II dan 46 hektar bagi Fasa III. Beberapa syarikat telah menjalankan operasinya terutama di bidang elektronik dan tenunan kain. Ini sekaligus telah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk-penduduk tempatan. Satu kawasan seluas 200 hektar di Muadzam Shah telah juga disediakan untuk industri seramik yang semakin popular dalam industri pembuatan.

Walaupun usaha menarik pelabur diadakan secara berterusan, namun usaha melahir, membangun dan mempertingkatkan kualiti golongan usahawan Bumiputera sentiasa dipergiatkan. Usaha ini adalah seiring dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya saing, berdaya maju dan berdaya tahan agar golongan ini mampu menghadapi pelbagai cabaran menjelang alaf baru. Seramai 2677 usahawan di pelbagai bidang telah berjaya dilahirkan di bawah program ini sepanjang tempoh pembangunan DARA. Bidang industri makanan dan kejuruteraan telah berkembang di Kawasan Pahang Tenggara. Sebagai sokongan ke arah ini, DARA telah berjaya membina sebanyak 591 unit ruang niaga yang melibatkan bangunan kedai, bengkel dan kilang bertaraf Industri Kecil dan Sederhana.

Tidak sekadar mengadakan kemudahan fizikal, DARA juga telah memperlengkapkan golongan usahawan ini dengan pelbagai ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang melalui program-program kursus, latihan kemahiran, seminar-seminar dan ceramah yang melibatkan jumlah peruntukan yang besar yang menjadi agenda tahunan DARA. Carta didalam Jadual 1 dan 2 menunjukkan bilangan usahawan yang telah menghadiri program latihan anjuran DARA semenjak program tersebut mula dilaksanakan. Sepanjang kewujudan DARA sejumlah 13 pengusaha telahpun menerima bantuan mesin di bawah Program Bantuan Mesin KPLB. Bantuan ini telah dapat mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka.

Dengan asas yang kukuh yang dibina oleh DARA di sepanjang 28 tahun usianya, program perindustrian dan keusahawanan akan terus menjadi landasan dalam usaha untuk menjadikan Wilayah ini dan Negeri Pahang sebagai sebuah negeri perindustrian yang maju di Koridor Perindustrian Pantai Timur setanding dengan negeri-negeri maju di Pantai Barat.



Kawasan Perindustrian













Aktiviti Perindustrian


















**JADUAL 1**
**PROGRAM LATIHAN SEPANJANG KEWUJUDAN DARA**

| RANCANGAN MALAYSIA | AKADEMIK | BIDANG LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN | KEMAHIRAN | USAHAWAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| RM2 | 115 | 52 | 171 | - | 338 |
| RM3 | 138 | 206 | 62 | - | 406 |
| RM4 | - | 703 | 104 | 356 | 1163 |
| RM5 | - | 2084 | 359 | 1965 | 4408 |
| RM6 | 4 | 1688 | 12 | 3062 | 4766 |
| RM7 | - | 524 | 2004 | 2022 | 4550 |

**JADUAL 2**
**BILANGAN PENGUSAHA/PERNIAGA**
**YANG WUJUD SEPANJANG KEWUJUDAN DARA**

| BIL. | JENIS PERUSAHAAN/PERNIAGAAN | JUMLAH |
|---|---|---|
| 1 | Makanan | 26 |
| 2 | Barangan Logam | 6 |
| 3 | Gambar | 3 |
| 4 | Pengiklanan | 5 |
| 5 | Batu Blok | 13 |
| 6 | Bengkel/Kereta/Motor | 48 |
| 7 | Jahitan | 34 |
| 8 | Kimpalan | 10 |
| 9 | Gunting Rambut/Saloon | 15 |
| 10 | Perkhidmatan | 42 |
| 11 | Pemborong | 18 |
| 12 | Ternakan | 6 |
| 13 | Perabot | 13 |
| 14 | Batik | 1 |
| 15 | Runcit | 1,232 |
| 16 | Restoran/Gerai Makan | 1,187 |
| 17 | Pengangkutan | 18 |
| | JUMLAH | 2,677 |

## PELANCONGAN

Kawasan Pahang Tenggara yang dianugerahi dengan keindahan alam semulajadi membolehkan DARA bergiat sama di dalam memajukan sektor pelancongan. Kedamaian Taman Negeri Rompin-Endau sentiasa menggamit rasa setiap pengunjung untuk menikmati ketenangan dan keindahan flora dan faunanya.

Tasik Chini dengan legendanya dan Tasik Bera dengan khazanahnya sering menjadi sebutan dan tumpuan para pelancong. Pantai yang indah dan bersih menjadi tarikan serta diserikan dengan padang golf yang luas terhampar di persisiran pantai Laut China Selatan. Ianya kini menjadi tumpuan kepada pelancong dan ahli korporat khususnya dari Singapura, Taiwan dan Jepun. Tanjong Gemok telah dibangunkan sebagai pintu masuk ke Pulau Tioman.

Lokasi yang telah tercatat di peta dunia ini sentiasa terpelihara walaupun pembangunan pesat dijalankan. Dengan adanya sektor pelancongan ini ianya secara langsung turut dirasai manfaatnya oleh masyarakat tempatan. Peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan pasti dapat dinikmati.

Sebagai usaha mempromosikan lokasi ini, DARA telah mengadakan pelbagai aktiviti promosi termasuk program tahunan 'Pacuan Empat Roda' dan 'Canoe Fest' yang bercirikan pengembaraan bagi menghayati keindahan alam yang dianugerahkan Tuhan.

Dengan wujudnya usaha bersepadu daripada pelbagai pihak, adalah diyakini pembangunan sektor pelancongan di Wilayah Pahang Tenggara akan terus dipertingkat dan digembelingkan bagi memperkenalkan Malaysia amnya dan Negeri Pahang khasnya sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan berpotensi.



*Taman Negeri Rompin - Endau*







Tasik Chini



Perlancongan Di Tasik Chini







Pelancongan Di Tasik Chini



Berkayak Di Sungai Chini





Canoe Fest - Tasik Chini



Tasik Chini



Hutan Di Sekitar Tasik Chini



Tasik Bera



Pusat Peranginan Lanjut

ntai Lanjut Rompin



Kompleks Jeti Tanjung Gemok



Padang Golf Lanjut







Rompin - Endau



Pacuan Empat Roda Rompin - Endau



## PERBANDARAN

Usaha mewujudkan sektor moden sebagai langkah untuk menyusun semula masyarakat selaras matlamat pembangunan negara ketika itu akan dapat dicapai melalui proses urbanisasi. Konsep perbandaran yang diutarakan oleh Pelan Induk mampu membuka ruang yang luas bagi penyertaan kaum Bumiputera dalam sektor perdagangan dan perniagaan. Ianya juga mampu memberi tahap kehidupan yang lebih selesa dan menarik kepada mereka yang berhijrah dari kampung-kampung asal mereka.

Dalam tempoh 28 tahun DARA diwujudkan, sebanyak 17 buah bandar-bandar baru telah dibina sebagai asas kepada pembangunan di sektor moden dan telah membuka pelbagai peluang sosio-ekonomi kepada penduduk. Berkonsepkan penempatan berpusat dalam kawasan "hinterland"nya, segala kemudahan asas termasuk kemudahan awam dan sosial dapat disediakan bagi manfaat penduduk agar ianya menjadi tarikan yang setanding dengan kawasan-kawasan maju yang lain.

Perancangan dan pewujudan bandar-bandar dan kawasan-kawasan penempatan baru dibuat untuk membentuk satu rangkaian hiraki bandar yang berkesan. Muadzam Shah sebagai bandar utama dijadikan pusat wilayah, disokong oleh bandar-bandar hiraki kedua seperti Tun Abdul Razak, Chini serta bandar-bandar kecil dan pusat-pusat perkhidmatan yang lain.

Perancangan yang teliti dan bersistematik telah menjadikan Muadzam Shah sebagai pusat pentadbiran wilayah dan merupakan pusat separa wilayah iaitu bandar tahap kedua di dalam hiraki perbandaran Negeri Pahang. Pembangunan bandar ini telah dirancang bersesuaian dengan fungsinya sebagai pusat wilayah dengan menyediakan segala kemudahan perkhidmatan kepada kawasan persekitarannya bagi menampung penduduk yang berjumlah 273,148 orang. Sehingga kini Muadzam Shah mempunyai perkhidmatan dan kemudahan asas yang setanding dengan bandar-bandar lain termasuk kemudahan kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain.

Kepesatan pembangunan perbandaran yang dirancang dipertingkatkan lagi dengan pembinaan kemudahan ruangniaga yang meliputi bangunan kedai, gerai, pasar dan bazar bagi membuka peluang kepada penduduk tempatan bergiat aktif di bidang perniagaan dan perdagangan dan seterusnya menggalakkan pembinaan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

Menjelang akhir hayat DARA, sejumlah 3,018 unit rumah kediaman telah siap dibina di mana dari jumlah tersebut sebanyak 1,844 uni telahpun dijual. Usaha-usaha pemuliharaan alam sekitar dan pengekalan alam semulajadi sentiasa dititikberatkan dan diberi penumpuan di dalam pembangunan bandar-bandar di Kawasan Pahang Tenggara. Sistem pembetungan berpusat telah disediakan di setiap bandar. Pembinaan lanskap di bandar-bandar dan kawasan penempatan turut menjadi agenda utama DARA dalam mengekal dan mengindahkan suasana persekitarannya.

Dalam memperkemas dan melicinkan pentadbiran dan perkhidmatan perbandaran, DARA telah diberi kuasa di bawah peruntukan Akta 171 sehingga 31 Disember 1998 bagi menjalankan tugas Pihak Berkuasa Tempatan di kawasan bandar-bandar baru yang telah dimajukan. Mulai tahun 1999 kuasa ini diambilalih oleh Majlis-Majlis Daerah yang berkenaan memandangkan DARA akan dibubarkan.

Selain pembinaan bandar-bandar baru, DARA juga telah diminta merancang dan membangunkan kampung-kampung tradisional yang bertaburan dalam wilayah ini. Hasilnya sebanyak lapan buah pusat perkhidmatan telah diwujudkan. Pusat-pusat perkhidmatan ini dijadikan sebagai pusat pertumbuhan sesuatu kelompok kampung tradisional yang menempatkan beberapa kemudahan awam seperti dewan orang ramai, kedai, bengkel dan masjid.

ersama-sama dengan FELCRA, DARA telah membangunkan sebuah projek Rancangan Kampung Tersusun (RKT) di Salong. Projek ini elibatkan pembinaan rumah, kemudahan-kemudahan awam seperti masjid, kedai, bengkel dan Balai Penghulu serta pemulihan kawasan pertanian. enduduk yang terlibat telah diberi saham atas kawasan pertanian bersamaan 4 hektar tiap-tiap seorang.

i samping itu, bersama-sama dengan FELCRA dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan beberapa agensi yang lain pula, DARA telah terlibat dalam membangunkan 3 buah Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Orang Asli iaitu RPS Bukit Serok, RPS Kedaik dan RPS Runcang. Menggunakan konsep pembangunan yang hampir sama dengan RKT kecuali dari segi pembangunan kawasan pertaniannya yang melibatkan kawasan tanah kosong kerajaan rancangan-rancangan RPS ini telah membuahkan hasil yang baik kepada mesyarakat Orang Asli yang memilih untuk menetap di rancangan-rancangan tersebut.

*Permandangan Udara Bandar Muadzam Shah*























Bandar Muadzam Shah Waktu Malam








HENTIAN BAS DAN TEKSI MUADZAM SHAH






BANK SIMPANAN NASIONAL
GIRO


ROSY
SINGER















Dewan Besar Muadzam Shah











KEDAI GAMBAR SARAS


ASYBA
DE-JOY COMPUTER CENTRE





*PULATIS (Pusat Latihan Islam Muadzam Shah)*



GIMS (Galeri Ilmu Muadzam Shah)














HOSPITAL MUADZAM SHAH

















Taman Permainan Di Muadzam Shah



Dewan Orang Ramai Bera





Perumahan Peserta RKT Salong

- ♦ Tabika
- ♦ Sek. Ren
- ♦ Sek. Men
- ♦ Sek. Men.Agama
- ♦ Sek. Men Teknik
- ♦ Maktab Rendah Sains (MRSM)
- □ Pusat Kesihatan
- □ Klinik Kesihatan
- □ Hospital
- ★ Balai Polis
- ★ Pondok Polis
- • Balai Bomba
- Pejabat Pos
- Mini Pos
- Wakil Pos
- Masjid
- Surau
- • Dewan Orang Ramai (DOR)
- • Balai Raya
- o Pej. BKT Zon
- o Ibu Pej. DARA
- o Pej. Daerah
- ■ Padang
- ■ Taman Permainan Kanak-Kanak (TPK)
- ■ Kompleks Sukan
- ■ Gelanggang Tenis
- ■ Gelanggang

## STATUS KEMUDAHAN DI BANDAR-BANDAR DI WILAYAH PAHANG TENGGARA

| BIL | BANDAR | PENDIDIKAN | KESIHATAN | POLIS | BOMBA |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Chini | ♦(6) ♦(3) ♦ | □ | ★ | – |
| 2. | Paloh Hinai | ♦ | □ | – | – |
| 3. | Ibam | ♦ ♦ ♦ | □ | ★ | – |
| 4. | Kota Perdana | ♦ ♦ | □ | – | – |
| 5. | Muadzam Shah | ♦ ♦(2) ♦ ♦ ♦ ♦ | □ | ★ | • |
| 6. | Melati | ♦ | □ | ★ | – |
| 7. | Kota Bahagia | ♦ ♦ | □ | ★ | – |
| 8. | Kota Shahbandar | – | – | – | – |
| 9. | Chenderawasih | ♦ ♦ | □ | ★ | – |
| 10. | Perwira Jaya | ♦(3) ♦ | □ | – | – |
| 11. | Perantau Damai | ♦(3) ♦(2) ♦ | □ | – | – |
| 12. | Chanis | ♦ ♦ | □ | – | – |
| 13. | Tun Abdul Razak | ♦(6) ♦(5) ♦ | □ | ★ | – |
| 14. | Selancar | ♦(2) ♦ | □ | – | – |
| 15. | Seladang | ♦ ♦ | □ | – | – |
| 16. | Bera | ♦(4) ♦(3) ♦ | □ | ★ | – |
| 17. | Kerayong | ♦ ♦ | □ | ★ | – |
| 18. | Tembangau | ♦ | □ | – | – |

| POS | KEAGAMAAN | DEWAN ORANG RAMAI (DOR) | PEJABAT BAHAGIAN KERAJAAN TEMPATAN | REKREASI | LAIN-LAIN |
|---|---|---|---|---|---|
| ✉ | ☾(5) ☾ | • | ✪ | ■ ■ | Pasar, Stesen Bas |
| – | ☾ | • | – | ■ ■ | – |
| ✉ | ☾ | • | – | ■ ■ | Pasar, Rumah Rehat |
| – | ☾ ☾ | • | – | ■ | – |
| ✉ | ☾ ☾(2) | •(2) | ✪ ✪ | ■ (4) ■ (14) ■ | JPJ, JBA, Pej. Kadhi, Kajicuaca, Telekom, TNB, Pej. Hutan, Pej. Penghulu, Pej. Felda, R. Rehat, R&R, Galeri Ilmu, Kelas Agama M. Shah, Hentian Bas, Pasar, Perpustakaan, Bank, Pusat Islam Muadzam Shah. |
| – | ☾ | – | – | ■ ■ | – |
| – | ☾ | • | – | ■ ■ | – |
| – | ☾ | – | – | ■ ■ | – |
| – | ☾ | • | – | ■ ■ | – |
| ✉ | ☾ ☾(2) | • | ✪ | ■ ■ | Pasar |
| ✉ | ☾(3) | •(3) | – | ■ | – |
| ✉ | ☾(2) | • | – | ■ | – |
| ✉ | ☾(5) ☾ | • | ✪ | ■ ■ | Pasar, Stesen Bas, Sek. Agama Rakyat, Bank |
| ✉ | ☾ ☾(2) | – | – | ■ | – |
| ✉ | ☾ ☾ | • | – | ■ | – |
| ✉ | ☾(3) ☾ | • | ✪ | ■(3) ■ | Pasar |
| ✉ | ☾ | • | ✪ | ■ | Pasar, Stesen Bas, Perpustakaan Awam |
| ✉ | ☾(2) | •(4) | – | ■ (2) | – |

## PELABURAN DARA

Dengan berpandukan salah satu objektif asal Pelan Induk Pahang Tenggara untuk menubuhkan perusahaan, pertanian dan perhutanan secara besar-besaran dengan menggunakan teknologi dan pengurusan yang cekap, DARA telah turut terlibat dalam projek-projek pelaburan sejak awal penubuhannya lagi. Penglibatan DARA dalam projek-projek ini bertujuan untuk menjadi pencetus dan pemangkin bagi perkembangan seterusnya di dalam bidang ini serta juga untuk meningkatkan penyertaan serta mewujudkan usahawan Bumiputera di dalam bidang perdagangan dan perindustrian selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Sejajar dengan itu dari tahun 1971 hingga ke akhir tahun 1998, DARA telah terlibat dengan penubuhan dan aktiviti 18 buah syarikat. Syarikat-syarikat ini bergiat dalam sektor perhutanan, pertanian, ternakan lembu, pembinaan, kuari serta aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan perniagaan.

Dalam sektor perhutanan enam buah syarikat menjalankan operasi pembalakan, kompleks perkayuan berasaskan kawasan hutan kekal dan juga pengeluaran komponen rumah siap sedia. Walaubagaimanapun, saham DARA dalam dua kompleks perkayuan telah dijual manakala operasi empat buah syarikat lagi telah diberhentikan.

Dalam sektor pertanian pula, DARA telah terlibat dalam penubuhan lima buah syarikat. Dari jumlah ini dua buah syarikat tidak memulakan operasinya manakala tiga buah syarikat lagi telah berjalan dengan baik sehingga kini.

Dua buah syarikat yang menjalankan aktiviti ternakan lembu daging masih beroperasi sehingga kini. Namun begitu prestasi sektor ini tidak menggalakkan dan kedua-dua syarikat ini sedang dalam proses penswastaan.

Dalam sektor pembinaan dan perniagaan am, saham DARA dalam syarikat pengeluar batu bata telah dijual, operasi sebuah kuari telah diswastakan manakala sebuah syarikat lain yang memproses batu serpentine sedang dalam proses penggulongan. Dengan itu, penglibatan DARA dalam bidang ini hanya diteruskan oleh dua buah syarikat lagi yang masing-masing bergiat dalam bidang kuari/kerja-kerja awam dan perniagaan am.

Oleh yang demikian, sehingga kini syarikat anak/sekutu DARA yang masih beroperasi berjumlah tujuh buah. Maklumat ringkas mengenai syarikat-syarikat ini adalah seperti di dalam Jadual 1 berikut.

## MAKLUMAT RINGKAS SYARIKAT ANAK / SEKUTU DARA

| BIL | NAMA SYARIKAT | BIDANG PERNIAGAAN | SAHAM DIBENAR (RM) | SAHAM BERBAYAR (RM) | EKUITI DARA (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | BINADARA SDN. BHD. | PEMBINAAN DAN KUARI | 2,000,000 | 937,002 | 100 |
| 2. | PASARANIKA DARA SDN. BHD. | PERNIAGAAN AM | 5,000,000 | 4,582,641 | 100 |
| 3. | DARABIF SDN. BHD. | TERNAKAN LEMBU | 10,000,000 | 9,652,381 | 100 |
| 4. | PAHANGBIF SDN. BHD. | TERNAKAN LEMBU | 5,000,000 | 3,866,669 | 70 |
| 5. | SAWIRA SDN. BHD. | LADANG KELAPA SAWIT | 45,000,000 | 35,000,000 | 51 |
| 6. | DARA LAM SOON SDN. BHD. | LADANG KELAPA SAWIT | 35,000,000 | 34,000,000 | 40 |
| 7. | TEHDARA SDN. BHD. | LADANG KELAPA SAWIT/TEH | 16,000,000 | 15,840,000 | 40 |

Bagi tahun berakhir 31 Disember 1998, syarikat-syarikat ini secara keseluruhannya telah mencatatkan perolehan berjumlah RM 136.52 juta dimana keuntungan sebelum cukai berjumlah ialah RM 53.84 juta.




*Tehdara Sdn. Bhd.*



*Pahangbif Sdn. Bhd.*










*Binadara Sdn. Bhd.*



*Sawira Sdn. Bhd.*

## SOSIAL

Untuk mengimbangkan kemajuan fizikal, program-program pembangunan sosial dan kerohanian berjalan seiring bagi kesejahteraan penduduk di wilayah ini. DARA telah mengadakan program kerohanian, pendidikan, keusahawanan dan kemasyarakatan. Pelbagai aktiviti telah berjaya dilaksana bagi memupuk dan mewujudkan satu masyarakat yang cerdas dan cergas. Sukan Hari Pekerja, Ekspedisi Berbasikal dan Berkayak, pertandingan-pertandingan sukan di pelbagai peringkat umur telah berjaya dianjurkan.

Wujudnya 'Rumah Nur Hidayah' adalah untuk memberi peluang kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa dan sempurna. Rumah bakti ini yang berkonsepkan keluarga angkat telah diuruskan oleh Jawatankuasa Tabung Kanak-Kanak Daif Wilayah Pahang Tenggara.

Dalam usaha membasmi kemiskinan, DARA turut berperanan dalam menjayakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT). Pelbagai bantuan dan sokongan telah disumbangkan kepada kumpulan sasar yang meliputi bidang pertanian, penternakan, industri kampung dan bantuan perumahan. Usaha DARA ini telah dapat merubah kehidupan golongan ini ke arah yang lebih terjamin. Sejak awal program ini dilancarkan pada tahun 1991 sejumlah 836 orang di Kawasan Pahang Tenggara telah mendapat faedah dan manfaatnya.

Masyarakat Orang Asli yang merupakan sebahagian dari penduduk wilayah ini juga tidak tercicir dari arus permodenan. Projek-projek sosial, kursus-kursus Pembangunan Keluarga dan Kefahaman Islam dan program-program kesihatan sentiasa diadakan agar mereka juga turut menikmati faedah kewujudan DARA. Ke arah peningkatan taraf sosial penduduk, DARA juga turut berperanan dalam merealisasikan sebanyak 3 buah penempatan RPS yang telah diwujudkan di Pahang Tenggara dengan tidak mengabaikan penempatan-penempatan asal mereka.

Program-program yang telah diadakan ini telah menampakkan kesan yang positif kepada masyarakat. Gejala-gejala sosial di kalangan remaja telah dapat dikurangkan dan dibendung. Program PPRT telah dapat mempertingkatkan pendapatan dan mampu mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan. Pada peringkat awal penubuhannya, DARA telah menyediakan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran ke pusat-pusat pengajian tinggi dan ramai di kalangan mereka yang telah diambil bertugas di DARA.

Bagi golongan belia yang kurang cemerlang di bidang akademik, mereka diberi peluang di bidang kemahiran dengan DARA menaja latihan mereka di Pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian. Mereka ini telah dilatih di dalam pelbagai bidang kemahiran berdasarkan keperluan tenaga separuh mahir yang menjanjikan peluang pekerjaan samada di sektor Kerajaan atau swasta sebaik sahaja mereka tamat kursus. Sepanjang pewujudan DARA terdapat seramai 43 belia telah terlibat di kedua-dua pusat latihan ini. Ada di antara lepasan ini telah berjaya membuka perniagaan sendiri.

Kewujudan Pusat Giat MARA menambahkan lagi peluang-peluang latihan kemahiran khususnya bagi golongan belia. Selain itu DARA juga pernah mewujudkan program latihan sambil kerja.

Dengan adanya program sebegini, ianya telah dapat membendung masalah sosial yang berlaku di Kawasan Wilayah Pahang Tenggara. Walau bagaimanapun program-program khusus yang berbentuk kerohanian dan bina semangat saban tahun diadakan bagi menyedar dan menghindarkan golongan belia dari terus terjebak dengan gejala sosial yang melanda negara.

Semua program-program yang dilaksanakan melibatkan peruntukan kewangan yang besar yang diperolehi daripada Kerajaan Pusat melalui KPLB. Dengan latihan dan kursus-kursus yang telah dilaksanakan, ianya telah dapat menampung keperluan tenaga separuh mahir khususnya di sektor perindustrian di Kawasan Pahang Tenggara.

Falsafah Pembangunan Luar Bandar telah dilancarkan oleh Kerajaan memerlukan anjakan paradigma yang berteraskan kepada pengwujudan masyarakat luar bandar yang berdaya tahan, berinisiatif, berilmu dan memiliki nilai-nilai murni. Melalui falsafah inilah lahirnya program Gerakan Desa Wawasan yang mengimpikan kawasan luar bandar sebagai satu kawasan yang maju, menarik dan menguntungkan. Gerakan ini cuba mengimbas kembali tradisi kemuafakatan yang diamalkan dahulu supaya desa dapat dimajukan mengikut acuan mereka sendiri.

*Ekspedisi Berbasikal*



*Masjid Kampung Jawa, Kuala Rompin*





*Aktiviti Gimnastik*



*Sumbangan Kepada Anak Yatim Rumah Nur Hidayah*














Sime Tyre


FORUM PERDANA
SEMPENA MAAL HIJRAH 1417





*Bantuan Kepada Masyarakat Orang Asli*



*Dewan Orang Ramai Chenor Seberang*



*RPS Kedaik*



*Pengislaman Orang Asli*





*Kediaman Yang Damai*



*Seminar Dengan Pengurus-Pengurus Ladang*

## PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN

Semasa pelancaran Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) pada tahun 1991, seramai 1,192 Ketua Isi Rumah (KIR) daripada penduduk Wilayah Pahang Tenggara telah didaftarkan sebagai peserta PPRT yang layak menerima bantuan PPRT. Bagi tempoh masa dari 1991 hingga 1994 bantuan yang disalurkan ialah bantuan bot, enjin, jaring, mesin batu blok, projek pertanian, projek infrastruktur serta pembinaan tandas curah dan bekalan air. Pada tahun 1995 dan 1996, peruntukan telah diberikan bagi projek perumahan yang melibatkan kerja pembaikan rumah sedia ada dan pembinaan rumah baru. Sementara bagi tahun 1997 hingga 1998 pula hanya peruntukan bagi projek ekonomi sahaja yang telah diterima oleh DARA.

Prestasi perbelanjaan bagi tempoh masa dari 1991 hingga 1998 adalah amat baik di mana daripada jumlah RM4,570,000 peruntukan untuk projek ekonomi dan infrastruktur yang diterima, sebanyak RM4,439,418 telahpun disalurkan kepada penerima/peserta PPRT. Sementara bagi projek-projek perumahan untuk tahun 1995 hingga 1996, kesemua peruntukan yang diterima berjumlah RM1,840,000 telahpun habis dibelanjakan.

Objektif utama projek PPRT ini iaitu mengurangkan jumlah peserta PPRT juga telah dapat dicapai, di mana semakan terakhir Daftar PPRT/AIM pada April 1999 mendapati jumlah peserta PPRT di Wilayah Pahang Tenggara adalah seramai 345 KIR, tetapi hanya seramai 201 KIR yang produktif dan layak menerima bantuan.

**SENARAI PPRT**

| Tahun | KIR |
|---|---|
| 1991 | 1,192 |
| 1999 | 201 |

*Bantuan Benih Anak Ikan*



*Kawasan Perumahan PPRT*






*Bot Bantuan PPRT*



*Kemudahan Perhubungan Luar Bandar*







# PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

Dalam mengejar pembangunan, penjagaan alam sekitar tidak diabaikan. Malah ianya telah mendapat perhatian penting dalam perakuan Pelan Induk. Bagi menjamin sumber hutan dapat diusaha secara berterusan, dua buah kawasan hutan telah diwartakan sebagai Kawasan Ladang Hutan (TFL). Kawasan ini seluas 121, 740 hektar telah diusahakan secara konsesi oleh syarikat milik Kerajan Negeri. Dalam Pelan Induk kaedah pembalakan yang dicadangkan ialah penebangan berpilih sebanyak 20% dari semua spesis dalam satu-satu kawasan dan diulang tiap-tiap lima tahun. Namun kajian semula yang dijalankan mencadangkan supaya 50% daripada pokok yang mencapai saiz tertentu ditebang dan akan kembali semula ke tempat yang sama dalam tempoh 25 tahun untuk pusingan kedua. Cadangan ini adalah bagi mengurangkan kesan hakisan dan meminimakan gangguan kepada hidupan liar.

Beberapa kawasan hutan paya dan tanah tinggi seluas kira-kira 26,253 hektar yang kaya dengan pelbagai spesis kayu yang bernilai juga telah dikenalpasti dan diperakukan supaya dijalankan pembalakan secara terkawal. Di samping itu seluas 61,590 hektar kawasan lain dikenalpasti sebagai kawasan tadahan hujan yang dicadang disimpan kekal bagi menjamin bekalan air yang berterusan.

Bagi mengekalkan kepelbagaian biologi, penyelidikan dan rekreasi, tiga kawasan telah diwartakan sebagai Rezab Mergastua dan Taman Negara yang meliputi kawasan seluas 69,530 hektar. Sehingga kini kawasan-kawasan ini telah menjadi tempat tarikan pelancongan. Kedatangan mereka adalah sebagai pelancong alam semulajadi, pencinta alam atau sebagai penyelidik. Hasil penyelidikan mereka telah mendapat beberapa spesis baru tumbuhan dan hidupan termasuk spesis-spesis yang sukar ditemui atau hampir pupus di tempat-tempat lain.

Di samping penjagaan dan pengawalan sumber yang sedia ada, DARA melalui kuasa perancangan yang diberi oleh Kerajaan Negeri telah berusaha mengawal pembangunan terutama pembinaan kilang-kilang kelapa sawit supaya diletakkan di tempat-tempat yang kurang mencemarkan terutama kepada punca air. Tapak-tapak industri yang disediakan dilengkapkan dengan kawasan penampan (buffer). Kawasan-kawasan penempatan akan dilengkapi dengan lanskap yang selain berfungsi untuk pengindahan, ianya juga berfungsi sebagai penyerap sebahagian pencemaran yang dikeluarkan oleh aktiviti industri. Semua pembangunan ini telah dirancang demi menjadikan kawasan-kawasan penempatan dalam wilayah ini sesuai untuk didiami.









Taman Tasik Bandar Chini

Taman Tasik Muadzam Shah

## KEMUDAHAN PENDIDIKAN DI MUADZAM SHAH

DARA berhasrat untuk menjadikan Muadzam Shah sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. Ke arah itu pelbagai kemudahan telah dirancang. Dengan bantuan dan sokongan beberapa pihak maka sebahagian daripada kemudahan dan infrastruktur telah siap tersedia.

Sehingga kini Muadzam Shah telah mempunyai enam buah sekolah, tiga buah daripadanya ialah sekolah berasrama penuh. Kesemua sekolah ini dapat menampung seramai 4,380 murid yang terdiri daripada 1,519 murid sekolah rendah dan 2,861 murid sekolah menengah. Seramai 2,002 murid sekolah menengah tinggal di asrama sekolah. Walau bagaimanapun, dengan pertambahan asrama dan bilik darjah yang baru siap atau dalam pembinaan sekarang, keseluruhan tiga buah sekolah asrama penuh dapat menyediakan tempat untuk 3,028 orang pelajar yang terbahagi seperti berikut:-

a) **Sekolah Harian:**

| | | |
|---|---|---|
| Sekolah Rendah | - | Dua buah dengan 1,519 pelajar |
| Sekolah Menengah | - | Sebuah dengan 1,245 pelajar (termasuk 386 pelajar tinggal di asrama) |

b) **Sekolah Asrama Penuh**

| | | |
|---|---|---|
| Sekolah Menengah Teknik | - | Sekarang 532 pelajar<br>Maksima 1,520 pelajar (2001) |
| Sekolah Menengah Agama | - | Sekarang 605 pelajar<br>Maksima 760 pelajar (2001) |
| Maktab Rendah Sains MARA | - | Sekarang 479 pelajar<br>Maksima 748 pelajar (2001) |

Bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang pertukangan sebuah Pusat Giat MARA telah ditubuhkan. Pusat ini dapat mengambil 150 orang pelatih pada satu-satu masa. Dari segi kemahiran pengurusan pula sebuah pusat yang dinamakan Galeri Ilmu Muadzam Shah (GIMS) telah dibuka. Ianya sudah beroperasi bagi tujuan latihan kemahiran kepada penduduk dan telah dilengkapi dengan kemudahan seperti komputer, makmal bahasa, dewan kuliah, bilik mesyuarat, perpustakaan dan kemudahan asas yang lain.

Untuk meningkatkan lagi kualiti pendidikan di wilayah ini Kerajaan Negeri Pahang telah bersetuju dan meluluskan satu tapak seluas 60 hektar di bandar Muadzam Shah untuk pembinaan sebuah politeknik. Ini adalah bagi membantu dan meningkatkan pengetahuan teknikal serta keupayaan sumber manusia di negara ini.

Kemudahan infrastruktur lain yang dapat membantu meningkatkan mutu pendidikan di wilayah ini adalah sistem perhubungan elektronik yang canggih dengan siapnya sistem Jaringan Gentian Optik (Fibre Optic). Ianya bukan sekadar mempercepatkan sistem dan kemudahan komunikasi tetapi lebih daripada itu ia membolehkan penggunaan teknologi maklumat dan pendidikan jarak jauh.

Sejajar dengan keperluan dan kehendak pendidikan semasa, dan dilihat pada lokasi bandar Muadzam Shah, ianya jelas menggambarkan suasana perkembangan pendidikan yang amat pesat. Ianya mudah dihubungi melalui sistem perhubungan dan kemudahan infrastuktur yang telah disediakan. Tambahan pula persekitaran Muadzam Shah yang jauh dari gejala sosial bandar, tiada pencemaran dan sebagainya membuatkan ianya lebih aman dan tenteram. Suasana dan faktor inilah membuatkan Muadzam Shah amat sesuai untuk dijadikan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan bagi menampung keperluan semasa negara.







Galeri Ilmu Muadzam Shah



*MRSM Muadzam Shah*



*Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Pahang*



*Tadika*



*Sekolah Rendah*

## TERIMAAN PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DARA SEJAK PENUBUHAN HINGGA PEMBUBARAN



# LAWATAN DIRAJA KE WILAYAH PAHANG TENGGARA

Ibam 1974



Ibam 1977





Muadzam Shah 1983



Tabung Haji Kota Bahagia 1985

*Ibu Pejabat DARA 1987*



*Felda Selendang 1989*





*Kerayong 1989*



*Pos Iskandar 1989*

*Tanjung Gemuk 1991*



*Forum Perdana Di Muadzam Shah*





*Muadzam Shah 1997*



*Muadzam Shah 1999*

# JASAMU DIABADIKAN

Merealisasikan satu impian bukan lagi khayalan. Terpampang gagah hasil adunan selama 28 tahun. Ilham Bapa Pembangunan dicanai rapi untuk melihat anak watannya seiring maju di bumi bertuah. Segalanya terlaksana dan terbentuk indah dengan infrastruktur yang sempurna.

DARA kesayangan kita ini ternyata telah dewasa. Ia perlu dibebaskan untuk berdikari, untuk mencorak warna hidupnya sendiri di dalam mengharungi abad yang mendatang. Kita semua melihat DARA terus unggul dan bahagia. Kita harus merelakan keadaan ini bukan kerana benci tetapi sayang. Perpisahan ini wajarlah ditangisi bersama. Satu tangisan bangga. Bangga kerana berjaya mendewasakan DARA, idola yang menjadi sebutan dan rebutan. Kita berhak berbangga dengan keadaan ini.

Kalian adalah sebahagian daripada kejayaan ini. Kalianlah yang telah meredah hutan belantara, tidur bersama nyamuk dan unggas, menggaris sempadan pembangunan, berjemur dipanas terik, menghidu debu dan asap serta segala kepayahan yang tidak tertulis. Itulah kalian, insan yang sepatutnya dinamakan wira pembangunan, insan yang separuhnya dikorbankan untuk pembangunan ini.

Terdidik kini DARA yang telah dewasa, berbekal ilmu dan kejayaan hasil adunan pelbagai bangsa. Mereka semua adalah sebahagian daripada kita dan kita adalah pewaris tunggal kepada pembangunan ini. Kita semua berhak berbangga dengan kejayaan yang ada kini. Kita juga bertanggunjawab untuk meneruskan agenda pembangunan ini.

Dunia tidak akan melupakan kejayaan ini. Kalian yang masih setia adalah sebahagian daripadanya. Kalian telah lalui berbagai kesulitan dan kepayahan untuk mendewasakan DARA ini. Kasih sayang yang tidak pernah berubah sehingga kini. Kalianlah yang telah dan akan terus merwarnai wilayah ini dengan berbagai kejayaan dengan penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab. Tanpa rasa tamak dan individualistik. Perngorbanan yang tidak menuntut pembalasan. Mencanai kejayaan untuk generasi muka untuk penduduk Wilayah Pahang Tenggara. Hasil dan nikmat untuk dinikmati bersama.

Melepaskan DARA dan menyerahkan tanggungjawab kepada gabungan barunya bukan bererti kita berpisah dengannya. Kita tetap merupakan sebahagian daripada kehidupan DARA yang baru. Kita dan DARA tidak akan berpisah. Syukur kepada ALLAH yang telah mentakdirkan kita bersama menjaga dan mendewasakan DARA yang tercinta ini. Terima kasih kepada semua. Kepada yang terpaksa berpisah, halalkan segala pengorbanan kalian dan doakanlah kami akan terus gemilang bersama keluarga DARA yang baru.










لمباݢ كماجوان ڤهڠ تڠݢارا





## PEGAWAI DAN ANGGOTA PERKHIDMATAN DARA 1999





*Lagu Setia yang abadi*
*dari segenap degup jantung*
*dan denyut nadi untuk sebuah nama.....*
*D. CR. (...........)*

*I.*

*Tiba-tiba telah datang perkhabaran*
*bahawa kisah kita*
*telah sampai ke akhirnya*
*maka aku .......kini telah kehabisan daya*
*untuk berbuat apa-apa*

*Sesungguhnya ia tidak bisa ditafsir*
*setelah kebenaran membawa makna*
*berapa getir*
*menghadapi saat ini*
*murung dan nestapa*
*bersama air mata yang bertampung*
*laksana kehilangan sesuatu yang amat berharga*
*terlalu lewat untuk mimpi pertolongan*
*kerana kau adalah wadah pembangunan*
*sedang aku serta sekelian para peneroka*
*adalah tangan-tangan yang bekerja*
*dengan perkasa*
*meneroka hutan belantara*
*demi merealisasikan impian*
*seorang negarawan*
*Bapa Pembangunan*

*II.*

*Fikiran ini bersilang*
*di antara enggan dan keterpaksaan*
*enggan menerima ketentuan*
*tetapi terpaksa merelakan*
*kerana demikian hakikat*
*setiap permulaan pasti menemui noktah akhiran*
*laksana daun - daun dari pohon*
*tiba saatnya akan keguguran*
*diterbang angin musim*
*hanyalah upayaku*
*mengutip butir - butir kenangan masalalu*
*masa yang singkat*
*menaburkan janji*
*di beranda waktu*
*aku jadi sendiri....*
*sendiri.......*
*dalam simponi yang hilang*

*III.*

*Masa kini yang perlu ditafsirkan*
*masa depan yang perlu difikir*
*dengan tajam mata fikir*
*dengan matlamat yang tersirat*
*untuk memartabatkan wilayah ini*
*dengan bakatnya dan dimensi baru*
*membentuk entiti yang berdaya saing*
*cekap dan lebih terarah*

*Tinjaukan*
*di padang perjuangan yang luas*
*jalan pengorbanan yang masih panjang*
*semoga kau akan jadi lebih gemilang*
*di antara yang terbilang*

# MELANGKAH KE ALAF BARU

Masa berlalu tahun berganti, Wilayah Pahang Tenggara terus membangun bersama perubahan masa. Sebagai agen pembangunan utama wilayah ini, DARA telah memainkan peranannya dengan penuh daya usaha dan tanggungjawab. Sebahagian besar asas pembangunan telah dilaksanakan. Segala pembangunan ini dengan sokongan pelbagai agen pembangunan yang lain telah berjaya membawa wilayah ini mengikut arus perdana pembangunan. Wilayah ini tidak lagi terpinggir dan terasing. Dengan ini sebahagian besar misi penubuhan DARA telah tercapai. Atas alasan itulah, di samping sebagai sebahagian langkah pengecilan saiz perkhidmatan awam, maka Kerajaan telah memutuskan untuk membubarkan DARA.

Walaubagaimanapun, oleh kerana adanya minat beberapa pihak untuk mengambilalih aset komersil DARA, maka Kerajaan telah memutuskan untuk membubarkan DARA melalui penswastaan aset komersil DARA. Sungguhpun negara telah dilanda masalah kemelesetan ekonomi yang membawa penutupan atau pengecilan operasi beberapa kilang dan industri dalam wilayah ini namun proses penswastaan DARA tetap diteruskan. Oleh kerana tarikh pembubaran ini adalah pada penghujung tahun terakhir abad ke 20 yang juga abad terakhir dalam alaf ini, maka pastinya pembukaan abad baru dan alaf baru akan memberi wajah baru kepada Wilayah Pahang Tenggara.

Kedatangan alaf baru akan melihat perubahan penggerak utama pembangunan wilayah ini berpindah dari Kerajaan kepada swasta dan Kerajaan akan menjadi pembantu melalui konsep Persyarikatan Malaysia.

Hasrat DARA untuk menjadikan Muadzam Shah sebagai sebuah bandar kecermerlangan pendidikan mendapat sokongan Kerajaan. Sebuah sekolah menengah dan sebuah politeknik akan dibina dalam masa yang terdekat ini. Sesungguhnya, semua pembangunan ini adalah sebagai salah satu langkah mengisi keperluan pembangunan manusia dari segi kerohanian dan kemahiran penduduk wilayah ini bagi menghadapi alaf baru yang lebih mencabar.

Sebagai langkah meningkatkan peranan swasta dalam pembangunan wilayah ini, beberapa kawasan industri baru telah dibuka tanpa mengabaikan keperluan penjagaan alam sekitar. Kawasan industri ini dirancang dan dibina dengan teliti supaya kesihatan dan keselesaan penduduk tidak tergugat. Dengan pembukaan ini dijangkakan aktiviti ekonomi utama penduduk wilayah ini akan berganjak beransur-ansur dari sektor pertanian kepada sektor pembuatan dan membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Dengan pertambahan permintaan kepada pelbagai keperluan dan perkhidmatan seperti perumahan, perniagaan, persekolahan, rekreasi dan sebagainya. Dengan peralihan teraju penggerak pembangunan wilayah ini kepada pihak swasta pertambahan permintaan ini akan mendapat tindak balas yang lebih pantas.

Syarikat Teras DARA Konsortium Sdn. Bhd. (TDK) yang berjaya dianugerahkan projek penswastaan aset komersil DARA ini dalam rancangan perniagaannya akan memberi tumpuan kepada sektor pendidikan, pelancongan, hartanah dan perladangan. Rancangan ini adalah merupakan kesinambungan kepada aktiviti yang telah dirintis dan dilaksanakan oleh DARA. Kerajaan juga telah memasukkan syarat "Obligasi Sosial" kepada syarikat ini bagi menjamin keperluan sosial penduduk wilayah ini terus diberi perhatian. Disamping itu juga syarikat ini dikehendaki menjaga dan mendidik usahawan-usahawan kecil wilayah ini.

Oleh itu marilah MELANGKAH KE ALAF BARU dengan penuh yakin dan bersemangat dalam membangunkan Wilayah Pahang Tenggara di abad yang mendatang.

*Majlis Menandatangani Perjanjian Penswastaan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) Disaksikan Oleh YB. Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar Di Kuala Lumpur Pada 15 Jun 1999*






*Upacara Pertukaran Dokumen Perjanjian Penswastaan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) Yang Disaksikan Oleh YB. Dato' Haji Annuar Bin Haji Musa, Menteri Pembangunan Luar Bandar*

# AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN BUKU DARA DALAM SEJARAH

**Pengerusi:**
Y.Bhg. Tuan Haji Samsudin bin Othman

**Ahli - Ahli:**
Tuan Haji Mohd. Yunus bin Hj Hussain
Encik Yusoff bin Abd. Ghani @ Mat Derani
Encik Ismail bin Yahaya
Tuan Haji Ab. Ghani bin Mustaffa
Encik Mah Husin bin Deris
Tuan Haji Ahmad Nor Azmi bin Haji Mohd Sidin

**Penyumbang-Penyumbang:**
YBhg. Tuan Haji Samsudin bin Othman
Tuan Haji Mohd. Yunus bin Hj Hussain
Encik Mah Husin bin Deris
Encik Mohd Shafie bin Bidin
Encik Mohd. Anasir bin Ab Rahman
Puan Hajah Wan Habibah binti Wan Abdullah
Puan Hurriyyah binti Abdullah
Cik Zalina binti Mansor
Encik Ashaari bin Razi
Puan Nor Jama'tun binti Mohd. Sidek
Encik Zahari bin Abdul Rahim
Encik Ab. Latif bin Jaafar
Puan Hajah Rohana binti Md. Saman
Encik Ahmad bin Abdullah

**Konsep dan Gambar:**
Tuan Haji Ahmad Nor Azmi bin Haji Mohd Sidin

**Pembantu-Pembantu:**
Puan Fatimah binti Ahmad
Puan Khairiah binti Haji Mohd Muda
Puan Mahani binti Mat Rani
Puan Norazmah binti Ibrahim
Puan Norlida binti Samsudin

**Urusetia:**
Bahagian Pentadbiran dan Perjawatan

**SEKALUNG BUDI**
Pengerusi dan Jawatankuasa Penerbitan Buku DARA DALAM SEJARAH mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan penerbitan buku ini.

**Diterbitkan oleh:**

لمباک کماجوان فهڠ تڠکارا

LEMBAGA KEMAJUAN PAHANG TENGGARA (DARA)
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Wisma Sultan Ahmad Shah, 26700 Muadzam Shah,
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-4522300 Fax : 09-4522110

**Dicetak Oleh:**
Malindo Printers Sdn. Bhd.
Lot 3 Jalan Ragum, Seksyen 15/17, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-5505066 Fax: 03-5504066, 5504157